



# Jangan bermain api dengan scammer

**PENYANGAK** siber terutama penipuan dalam talian atau online scam kini menjadi 'wabak' dalam dunia moden.

Banyak kes melibatkan penipuan wang dan harta benda dilaporkan berlaku kepada orang ramai tanpa mengira pangkat dan usia, sedangkan amaran sudah dikeluarkan pihak berwajib.

Orang ramai dilihat semakin berwasada terhadap tipu helah yang digunakan scammer untuk memperdaya mangsa menerusi panggilan telefon, pautan dan sebagainya.

Bagaimanapun, ada mangsa yang dihubungi scammer menerusi panggilan telefon cuba 'memancing' suspek tanpa mengetahui kesan buruk yang bakal mereka hadapi.

Terdapat segelintir individu dilihat cuba mengikuti satu trend membimbangkan yang mana mereka cuba berinteraksi dengan scammer sebelum memuat naik rakaman perbualan itu di media sosial.

Tindakan melakukan 'prank' itu sebenarnya memberi peluang kepada suspek untuk memperoleh lebih banyak maklumat ketika mangsa berinteraksi dengan mereka.

Ketua Seksyen Keselamatan Siber & Bahagian Penumpuan Teknologi Institut Teknologi Maklumat Malaysia (MIT), Universiti Kuala Lumpur, Dr. Shafiza Mohd. Shariff melarang



## Analisis Semasa

Bersama  
**MUHAMMAD FIRDAUS FAHMI JUNAIDI**

tindakan tersebut kerana beberapa maklumat awal boleh diperoleh penjenayah apabila berinteraksi dengan mangsa-mangsa mereka.

"Antaranya ialah pengesahan nombor telefon mangsa, jantina dan usia berdasarkan suara menerusi talian telefon.

"Selain itu, scammer akan mengetahui maklumat latar belakang bunyi pengguna melalui percakapan yang mereka dengari atau bunyi sekeliling.

"Apabila interaksi dengan penipu melebihi tempoh seminit, suspek akan mengetahui lokasi di mana panggilan telefon itu dijawab," katanya kepada *Kosmo!*.

Menurut Shafiza, apabila orang ramai semakin teruja untuk mempermudahkan scammer ketika menjawab panggilan telefon, mereka secara tidak sedar akan memberikan maklumat berkaitan pengalaman diri.

Mangsa mungkin cuba menipu tentang maklumat peribadi mereka, namun

beberapa perkara seperti minat atau benda yang disukai dan dibenci akan didedahkan secara tidak sengaja ketika perbualan berlangsung.

"Orang ramai digesa mengurangkan perkongsian atau interaksi di media sosial. Kebanyakan scammer menggunakan maklumat berkaitan personaliti dan tingkah laku mangsa di internet untuk memancing kepercayaan mereka. Misalnya corak pembelian barang online, hobi dan minat mangsa.

"Pengguna juga digesa agar tidak mudah mempercayai scammer kerana mereka adalah storyteller yang hebat," katanya.

Jelasnya, mangsa mungkin mudah mengaitkan cerita yang disampaikan oleh penipu dengan diri sendiri sehingga minat dan perasaan mereka dimanipulasi.

"Akhir sekali, jangan leka dan ambil tahu keadaan semasa. Penjenayah suka menggunakan isu-isu terkini yang menguntungkan misalnya promosi pengisian maklumat menerusi Sistem Pangkalan Daa Utama (Padu).

"Suspek akan mendesak mangsa dan perlu jawapan segera ketika menipu seperti promosi akan tamat dalam masa beberapa minit atau polis dalam proses untuk mengeluarkan waran dan sebagainya," ujarnya.